
Edisi 1		Isu 1
Volume 1		Issue 1

Disember 2025
December 2025

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH KUALA PILAH
PENDAKWA SYARIE *lwn* AHMAD BIN ABD RASHID
(NO. KES: 2401-L0605-665-0014)

Sabarudin Bidin

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Pilah

Follow this and additional works at: <https://altaqrir.usim.edu.my>

Recommended Citation: Pendakwa Syarie *lwn* Ahmad bin Abd Rashid (NO. KES: 2401-L0605-665-0014) (2025) MRS 63 AL-TAQRIR 1. Available at:
<https://altaqrir.usim.edu.my/index.php/journal/article/view/15>



FACULTY OF SYARIAH AND LAW
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
كلية الشريعة والقانون



DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH KUALA PILAH

PENDAKWA SYARIE

lwn

AHMAD BIN ABD RASHID

NO. KES: 2401-L0605-665-0014

ⁱSabarudin Bidin

ⁱMahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Pilah

Sinopsis

Tertuduh, Ahmad bin Abd Rashid, telah didakwa di bawah Seksyen 106(4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, kesalahan berkaitan dengan pungutan wang khairat. Tertuduh mengedarkan 13 tabung derma tanpa kebenaran Majlis Agama Islam Negeri Sembilan di Masjid Jamek Yam Tuan Raden, Kuala Pilah pada 5.1.2024. Walaupun beralamat di Kelantan, Mahkamah Rendah Syariah Kuala Pilah berbidang kuasa kerana kesalahan dilakukan dalam daerahnya sebagaimana diperuntukkan oleh Seksyen 67 ETJS (NS) 2003. Tertuduh mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan mengikut tatacara undang-undang (Seksyen 78–80, 96 ETJS) dan mengakui faham kesan pengakuannya. Dalam mitigasi, tertuduh merayu hukuman diringankan kerana mempunyai lima anak bersekolah, mengalami kemalangan semasa hadir ke mahkamah, dan hanya bertindak atas permintaan pihak lain. Pendakwa menegaskan bahawa kesalahan ini menjejaskan imej pentadbiran Islam dan membuka ruang penyelewengan dana umat. Mahkamah mengklasifikasikan kesalahan ini sebagai hukuman takzir mempertimbangkan rayuan tertuduh tetapi menolak untuk menganggap kesalahan ringan kerana berpotensi melibatkan unsur penipuan kutipan dana. Akhirnya, mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM2,000, atau penjara sebulan jika gagal bayar, sebagai hukuman yang adil, mendidik tertuduh serta memberi pengajaran kepada masyarakat agar mematuhi undang-undang pentadbiran Islam.

Pengenalan

- [1] Tertuduh telah dituduh melakukan kesalahan di bawah seksyen 106(4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 iaitu kesalahan pemungutan wang khairat tanpa kebenaran daripada Majlis. Tertuduh telah mengaku salah atas pertuduhan yang telah dibacakan oleh Pendakwa Syarie dan mengaku faham kesan pengakuan bersalah. Tertuduh merayu agar hukuman denda dikurangkan kerana mempunyai lima orang anak yang masih bersekolah.
- [2] Dewan Undangan Negeri telah memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah di negeri ini melalui peruntukan seksyen 62(2)(a) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) Tahun 2003 yang memperuntukkan:

“(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis lain itu tidak melebihi tiga ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu;”

- [3] Perkataan “undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan...” juga merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.
- [4] Berdasarkan kepada seksyen 62(2)(a) Enakmen Pentadbiran, Mahkamah Rendah Syariah di Negeri Sembilan telah diberikan kuasa untuk mendengar kes yang hukuman dendanya tidak melebihi tiga ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya. Seksyen 106(5) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau hukuman penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Oleh itu, mahkamah ini mempunyai bidang kuasa dari segi jumlah hukuman denda dan hukuman pemenjaraan.

Latar Belakang Fakta

- [5] Tertuduh telah melakukan kesalahan di Masjid Jamek Yam Tuan Raden Kuala Pilah pada 5.1.2024. Lokasi kesalahan dilakukan tertuduh adalah termasuk dalam bidang kuasa tempatan mahkamah ini walaupun alamat tertuduh ialah Hilir Balai Polis Gunung 16093 Bachok Kelantan. Mahkamah merujuk dalam seksyen 67 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 yang memperuntukkan seperti berikut:

“Tiap-tiap kesalahan hendaklah pada lazimnya dibicarakan oleh Mahkamah yang dalam had bidang kuasa tempatannya kesalahan itu telah dilakukan”.

- [6] Mahkamah merujuk seksyen 96 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) Tahun 2003:

Tatacara yang berikut hendaklah diikuti oleh Hakim dalam perbicaraan:

(a) apabila tertuduh hadir atau dibawa ke hadapan Mahkamah, maka pertuduhan yang mengandungi butir-butir kesalahan yang dia dituduh melakukannya itu hendaklah dibentuk, dibaca dan dijelaskan kepadanya, dan dia hendaklah ditanya sama ada dia bersalah atas kesalahan yang dipertuduh itu atau meminta dibicarakan;

(b) jika tertuduh mengaku bersalah atas sesuatu pertuduhan, sama ada atas pertuduhan asal atau yang dipinda, akuan itu hendaklah direkodkan dan dia boleh disabitkan atas kesalahan itu: Dengan syarat bahawa sebelum suatu akuan bersalah direkodkan, Mahkamah hendaklah menentukan bahawa tertuduh memahami sifat dan akibat daripada akumannya itu dan dia berniat untuk mengakui, tanpa bersyarat, kesalahan yang dikatakan terhadapnya itu;

Diputuskan

- [7] Setelah mahkamah mendengar pengakuan bersalah orang kena tertuduh, persetujuan dengan fakta kes oleh tertuduh, sabitan pertuduhan ke atas tertuduh, rayuan pengurangan hukuman dan hujahan balas oleh pendakwa, maka dengan ini Mahkamah memutuskan dan memerintahkan seperti berikut:
1. Mahkamah mensabitkan bahawa pengakuan bersalah tertuduh adalah tanpa paksaan, rela serta memahami bahawa pengakuan bersalah tersebut boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 106(4) Enakman Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) Tahun 2003.
 2. Mahkamah mensabitkan pertuduhan di bawah seksyen 106(4) Enakman Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 terhadap tertuduh.
 3. Mahkamah menghukum tertuduh dengan denda RM2,000.00, dan sekiranya gagal membayarnya, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara selama satu bulan berdasarkan kepada peruntukan seksyen 106(5) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Senarai Rujukan

Kitab

Sa'id, H.I. (1996). *Kitab qanun jinayah syari'ah*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.

Undang-Undang

Jadual Kesembilan Senarai II (Senarai Negeri) dan Perkara 121(1A). Perlembagaan Persekutuan.

Seksyen 106 dan Seksyen 62(2)(a). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Seksyen 67, 78, 79, 80, 96 dan 133. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

Seksyen 17 dan 18. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

Isu-isu yang Perlu Diputuskan

[8] Setelah mahkamah mendengar pengakuan bersalah orang kena tertuduh, persetujuan dengan fakta kes oleh tertuduh, sabitan pertuduhan ke atas tertuduh, rayuan pengurangan hukuman dan hujahan balas oleh pendakwa, maka dengan ini Mahkamah memutuskan dan memerintahkan seperti berikut:

1. Sama ada pertuduhan dalam kes ini memenuhi seksyen 78, seksyen 79 dan Seksyen 80 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.
2. Sama ada pengakuan bersalah tertuduh boleh diterima oleh Mahkamah.
3. Sama ada pembentangan fakta kes dan hujahan balas mitigasi oleh Pendakwa Syarie serta rayuan mitigasi oleh tertuduh cukup untuk membantu Hakim mensabitkan kesalahan dan menentukan hukuman bagi tertuduh.

Analisis dan Dapatan

Isu Pertama: Sama ada pertuduhan dalam kes ini memenuhi seksyen 78, seksyen 79 dan seksyen 80 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003

[9] Pertuduhan telah dibacakan seperti berikut:

“Bahawa kamu Ahmad bin Abd Rashid, No. K/P: xxx pada 5.1.2024 pada pukul lebih kurang 2.07 petang, bertempat di Masjid Jamek Yamtuan Raden, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan, telah didapati menempatkan 13 tabung derma yang dipercayai tidak mendapatkan kebenaran dari pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. Dengan itu, kamu dituduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 106(4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 iaitu mengutip khairat tanpa kebenaran majlis. Jika disabitkan kesalahan kamu boleh dihukum dengan denda tidak melebihi tiga ribu ringgit ataupun penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali”.

[10] Mahkamah merujuk seksyen 78 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 yang menyatakan mengenai pertuduhan seperti berikut:

“(1) Tiap-tiap pertuduhan di bawah Enakmen ini hendaklah menyatakan kesalahan yang atasnya tertuduh dipertuduh.

(2) Jika undang-undang yang mewujudkan kesalahan itu memberinya apa-apa nama tertentu, kesalahan itu boleh diperihalkan dalam pertuduhan itu dengan nama itu sahaja.

(3) *Jika undang-undang yang mewujudkan kesalahan itu tidak memberinya apa-apa nama tertentu, takrif kesalahan itu hendaklah dinyatakan setakat yang membolehkan tertuduh maklum tentang perkara yang mengenainya dia dipertuduh.*

(4) *Undang-undang dan peruntukan undang-undang yang terhadapnya kesalahan itu dikatakan telah dilakukan hendaklah disebut dalam pertuduhan itu.*

(5) *Hakikat bahawa pertuduhan itu dibuat adalah bersamaan dengan pernyataan bahawa tiap-tiap syarat yang sah yang dikehendaki oleh undang-undang bagi mewujudkan kesalahan yang dipertuduh itu telah dipenuhi dalam kes tertentu itu."*

[11] Mahkamah merujuk seksyen 78 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 yang menyatakan mengenai pertuduhan seperti berikut:

1. Berdasarkan kepada seksyen di atas, mahkamah mendapati pertuduhan yang telah dibacakan di hadapan tertuduh telah memenuhi subseksyen 78(3) kerana seksyen 106 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) tidak memberikan nama tertentu bagi kesalahan, namun melalui seksyen 106(4) ianya telah memberikan takrifan kesalahan.
2. Dalam hal yang lain, pertuduhan yang dirangka oleh pendakwa mestilah menyatakan butiran mengenai waktu kesalahan dilakukan, tempat kesalahan dan orang yang melakukan kesalahan. Ini telah diperuntukkan di bawah seksyen 79 Enakmen Tatacara Jenayah. Seksyen 80 pula menyatakan pertuduhan perlu mengandungi cara kesalahan itu dilakukan sebagaimana yang mencukupi. Mahkamah berpendapat dalam pertuduhan kes ini, butiran seperti yang dikehendaki oleh seksyen 79 dan 80 telah dipenuhi.

Isu Kedua: Sama ada pengakuan bersalah tertuduh boleh diterima oleh Mahkamah

[12] Tertuduh mengaku faham pertuduhan yang telah dibacakan dan memilih untuk mengaku bersalah. Tertuduh juga mengaku faham akan kesan pengakuan bersalah tertuduh boleh menyebabkan tertuduh dikenakan hukuman di bawah seksyen 106(5) Enakmen Pentadbiran sama ada hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau pemenjaraan tidak melebihi tempoh setahun atau kedua-duanya. Pengakuan bersalah tertuduh secara sukarela dan tanpa dipaksa oleh mana-mana orang. Mahkamah juga mendapati tertuduh tidak menyatakan sebarang syarat semasa membuat pengakuan bersalah.

[13] Seksyen 96(b) Enakmen Tatacara Jenayah telah memperuntukkan:

“(b) jika tertuduh mengaku bersalah atas sesuatu pertuduhan, sama ada atas pertuduhan asal atau yang dipinda,akuan itu hendaklah direkodkan dan dia boleh disabitkan atas kesalahan itu:

Dengan syarat bahawa sebelum suatuakuan bersalah direkodkan, Mahkamah hendaklah menentukan bahawa tertuduh memahami sifat dan akibat daripadaakuannya itu dan dia berniat untuk mengakui, tanpa bersyarat, kesalahan yang dikatakan terhadapnya itu;”

[14] Pengakuan bersalah tertuduh diterima oleh mahkamah, oleh itu mahkamah merekodkan dan mensabitkan pengakuan bersalah tertuduh berdasarkan kepada peruntukan seksyen 96(b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) Tahun 2003. Pengakuan bersalah tertuduh juga menepati peruntukan seksyen 17 dan 18 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

Isu Ketiga: Sama ada pembentangan fakta kes dan hujahan balas mitigasi oleh Pendakwa Syarie serta rayuan mitigasi oleh tertuduh cukup untuk membantu Hakim mensabitkan kesalahan dan menentukan hukuman bagi tertuduh

[15] Setelah itu, Pendakwa Syarie membacakan fakta kes seperti berikut:

“Pada 5 Januari 2024, lebih kurang pukul 2.07 petang, Pegawai Penguat kuasa Agama JHEAINS telah membuat pemeriksaan di Masjid Jamek Yam Tuan Raden, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Hasil siasatan yang dibuat oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama mendapati 13 tabung derma telah diedar di Masjid Jamek Yam Tuan Raden Kuala Pilah yang dipercayai bagi tujuan pembinaan sebuah surau di Sekolah Menengah Felda Bukit Rokan. Aktiviti ini telah dilakukan tanpa kebenaran Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.

Pegawai Penguat Kuasa Agama JHEAINS telah membuat pemeriksaan dan mendapati bahawa tertuduh, Ahmad bin Rashid, No. Kad Pengenalan: xxx telah terlibat dalam aktiviti berkenaan.

Oleh yang demikian, pihak Pendakwaan memohon supaya tertuduh disabitkan dengan kesalahan mengikut seksyen 106(4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, dan boleh dihukum dengan hukuman mengikut peruntukan 106(5)”.

[16] Tertuduh bersetuju dengan fakta kes dan meneruskan pengakuan bersalah. Oleh itu, mahkamah mensabitkan pertuduhan di bawah seksyen 106(5) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) Tahun 2003 terhadap tertuduh.

[17] Pada sesi mitigasi, tertuduh merayu agar mahkamah mengurangkan hukuman denda dan penjara diketepikan kerana tertuduh mempunyai lima orang anak yang masih bersekolah. Tertuduh menyatakan bahawasanya tertuduh telah diminta oleh seorang lelaki yang bergelar Datuk untuk membantu pihak Sekolah Menengah Felda Bukit Rokan untuk mengedarkan tabung derma. Tertuduh menyatakan bahawasanya telah berlaku penipuan dalam aktiviti mengedarkan tabung kerana tertuduh tidak memastikan kebenaran telah diperolehi atau sebaliknya daripada pihak berwajib. Tertuduh menyatakan tertuduh hanya menjalankan permintaan rakan-rakan tertuduh untuk mengedarkan tabung di tempat kejadian.

[18] Tertuduh menyatakan bahawa beliau bekerja dengan Majlis Agama Islam Kelantan dan biasa menjalankan pengutipan tabung khairat di masjid. Tertuduh menyatakan sekali sekala membantu abang tertuduh bekerja di kedai. Tertuduh juga merayu agar hukuman denda dikurangkan kerana tertuduh telah mengalami kemalangan dalam perjalanan dari Kelantan ke Mahkamah ini. Tertuduh menyatakan tertuduh membawa semua ahli keluarganya termasuk anak-anak tertuduh.

Hujah Balas Mitigasi

[19] Pendakwa Syarie memohon agar hukuman yang boleh memberikan pengajaran kepada tertuduh. Hujahan pendakwa ialah kesalahan ini merupakan kesalahan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam. Walau bagaimanapun, kesalahan ini boleh menjejaskan imej dan nama agensi yang mentadbir urusan agama Islam di negeri ini. Selain itu, ianya boleh menjadi bahan tohmahan masyarakat kepada agensi yang bertanggungjawab menguruskan pentadbiran Islam di negeri ini. Tujuan kutipan khairat adalah untuk menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi manfaat bagi orang Islam seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 106(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003. Seksyen 106(4) bertujuan untuk mengawal penyelewengan kutipan dana daripada berlaku dan ini boleh menjejaskan pentadbiran agama Islam.

- [20] Pendakwa juga berhujah bahawasanya pelanggaran kepada undang-undang ini boleh menjejaskan pentadbiran agama Islam secara tidak langsung. Masyarakat secara umumnya tidak mengetahui sama ada sesuatu kutipan dana itu telah mendapat kebenaran daripada pihak yang berwajib. Masyarakat pada kebiasaannya berharap agar sumbangan yang diberikan akan dapat membantu dan menyokong aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan agama Islam seperti pembinaan madrasah, masjid dan surau. Akan tetapi, hasrat pemberi dana tidak kesampaian sekiranya berlaku penyelewengan dalam aktiviti kutipan khairat.
- [21] Seterusnya pendakwa berhujah agar hukuman yang bakal dijatuhkan oleh mahkamah adalah hukuman yang setimpal dan sewajarnya. Selain itu, hukuman itu boleh memberikan pengajaran kepada tertuduh dan juga masyarakat.
- [22] Mahkamah mendapati rayuan tertuduh menjurus kepada peringanan hukuman denda dan penjara. Alasan rayuan tertuduh bagi mengurangkan hukuman boleh dipertimbangkan. Mahkamah mempertimbangkan rayuan tertuduh iaitu tertuduh mempunyai lima orang anak yang masih bersekolah dan tertuduh baru sahaja mengalami kemalangan jalan raya semasa dalam perjalanan ke mahkamah pada hari ini sebagai peringanan hukuman.
- [23] Namun begitu, mahkamah bersetuju dengan hujah pendakwa agar hukuman perlu dikenakan kepada tertuduh dengan setimpal dan sewajarnya. Mahkamah bersetuju dengan hujah pendakwa mengenai kesan pelanggaran terhadap seksyen 106(4) Enakmen Pentadbiran.
- [24] Mahkamah juga merujuk kepada seksyen 126 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) Tahun 2003 sebagai panduan kepada hukuman yang bakal diberikan terhadap tertuduh.
- [25] Mahkamah berpendapat kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh bukanlah kesalahan yang berada dalam kategori hukuman hudud mahupun qisas. Kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh dikategorikan sebagai hukuman takzir. Mahkamah merujuk dalam kitab Qanun Jinayah Syariah karangan Haji Sa'id bin Haji Ibrahim, terbitan Darul Ma'rifah muka surat 6:
- “10(1) Hukuman takzir ialah kesalahan-kesalahan yang hukumannya merupakan dera, iaitu penjinayah-penjinayah tadi tidak dijatuhkan hukuman hudud atau qisas. Hukuman takzir dalam qanun jinayah syar'iyah adalah hukuman yang tidak ditentukan dan ditetapkan Allah kadar atau bentuk hukuman itu di dalam Quran dan hadith.*
- (3) Jenis atau kadar serta bentuk hukuman takzir itu adalah terserah kepada kearifan hakim untuk menentukan dan memilih hukuman yang patut dikenakan ke atas penjinayah-penjinayah itu, kerana hukuman takzir itu adalah bertujuan untuk menghalang penjinayah-penjinayah mengulangi kembali kejahatan yang mereka lakukan tadi – bukan untuk menyiksa mereka.”*
- [26] Oleh itu, berdasarkan kepada rujukan di atas, mahkamah berpendapat kesalahan yang diperuntukkan di bawah seksyen 106(5) adalah dalam kategori hukuman takzir. Mahkamah perlu memilih hukuman yang telah diperuntukkan iaitu antara denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau pemenjaraan tidak melebihi tempoh setahun atau kedua-duanya sekali.
- [27] Mahkamah pada asasnya boleh mempertimbangkan semua aspek untuk peringanan hukuman seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 133 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah. Namun demikian, mahkamah berpendapat bahawasanya kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh tidak boleh dianggap sebagai suatu kesalahan yang ringan. Tertuduh dalam mitigasinya telah menyatakan tertuduh mempunyai pengalaman mengedarkan tabung dan memahami proses pengedaran tabung di masjid. Pada pandangan mahkamah, kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh boleh mencerminkan kesalahan penipuan kutipan dana yang berleluasa dalam masyarakat Islam pada masa kini. Oleh itu, mahkamah berpuas hati untuk tidak mempertimbangkan seksyen 133 ke atas tertuduh.

Keputusan

[28] Setelah mahkamah mendengar pengakuan bersalah orang kena tertuduh, persetujuan dengan fakta kes oleh tertuduh, sabitan pertuduhan ke atas tertuduh, rayuan pengurangan hukuman dan hujahan balas oleh pendakwa, maka dengan ini Mahkamah memutuskan dan memerintahkan seperti berikut:

1. Mahkamah mensabitkan bahawa pengakuan bersalah tertuduh adalah tanpa paksaan, rela serta memahami bahawa pengakuan bersalah tersebut boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 106(4) Enakman Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) Tahun 2003.
2. Mahkamah mensabitkan pertuduhan di bawah seksyen 106(4) Enakman Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 terhadap tertuduh.
3. Mahkamah menghukum tertuduh dengan denda RM2,000.00, dan sekiranya gagal membayarnya, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara selama satu bulan berdasarkan kepada peruntukan seksyen 106(5) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Kesimpulan

[29] Mahkamah berpendapat hukuman denda adalah sesuai dikenakan ke atas tertuduh kerana ini merupakan kesalahan kali pertama tertuduh. Pada masa yang sama, tertuduh mempunyai lima orang anak yang masih bersekolah dan tertuduh pula membawa semua ahli keluarga ke mahkamah hari ini dari Kelantan. Mahkamah percaya hukuman pemenjaraan mungkin akan memberikan impak yang besar kepada tertuduh kerana ianya boleh menyebabkan tertuduh kehilangan pekerjaan serta punca rezeki yang lain, malahan pengabaian nafkah kepada anak-anak tertuduh. Oleh itu, mahkamah berpuas hati untuk mengenakan hukuman denda sahaja ke atas tertuduh.

[30] Mahkamah berharap agar hukuman yang diberikan oleh mahkamah akan dapat memberikan keinsafan kepada tertuduh khususnya dan memberikan pengajaran kepada masyarakat di luar sana. Setelah mahkamah mempertimbangkan semua aspek termasuk fakta kes, rayuan tertuduh dan hujahan pendakwa, maka dengan ini mahkamah menghukum tertuduh dengan denda RM2,000.00 sekiranya tertuduh gagal membayarnya, dipenjara sebulan.

Hakim

Alasan Penghakiman ini telah disediakan oleh **Tuan Sabarudin bin Bidin**, Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh

29 Februari 2024

Pendakwa Syarie

Tuan Abdul Wafi bin Ramli, Pendakwa Syarie Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan.

Peguambela

Tertuduh tidak diwakili oleh peguam syarie.